

SIN PSIS

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI & PENGGALAKAN KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



HKN | HARI KOPERASI NEGARA

KOPERASI MEMPERKASA KOMUNITI, MEMBINA NEGARA MADANI

3-5 JULAI 2026

PICCA Convention Centre, Butterworth, Pulau Pinang



www.skm.gov.my



SuruhanjayaKoperasiMalaysia



SuruhanjayaKoperasi



SuruhanjayaKoperasi



TERIMA KASIH

47,535

PENGUNJUNG

Setinggi-tinggi penghargaan buat semua pengunjung Hari Koperasi Negara 2026.
Kehadiran anda melakar sejarah kejayaan bersama.



150
RERUAI
PAMERAN

3
HARI

Anugerah
Koperasi
12 kategori
penerima

Bantuan
PPMK 2.0
TMPSKM
Jumlah bantuan
& pembiayaan

RM6.78 juta
RM7.64 juta
RM14.41 juta

Buku
dilancarkan

Buku Profil 100 Koperasi
Terbaik Malaysia 2026

Hadiah utama
cabutan bertuah

2 motosikal
SM Sport 110E





Hari Koperasi Negara 2026 Perkukuh Gerakan Koperasi, Memperkasa Komuniti dan Membina Negara MADANI

BUTTERWORTH, 5 Julai 2026

Sambutan Hari Koperasi Negara 2026 (HKN'26) Peringkat Kebangsaan melabuhkan tirainya dengan penuh jayanya selepas berlangsung selama tiga hari bermula 3 hingga 5 Julai 2026 di PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena, Pulau Pinang.

Bertemakan "Koperasi Memperkasa Komuniti, Membina Negara MADANI", HKN'26 berjaya menghimpunkan 47,535 pengunjung yang terdiri daripada anggota koperasi, kementerian dan agensi kerajaan, usahawan, institusi pendidikan, rakan strategik industri serta masyarakat umum. Sambutan yang amat menggalakkan ini membuktikan bahawa gerakan koperasi terus mendapat kepercayaan masyarakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi rakyat dan kesejahteraan komuniti.



Majlis Perasmian **Lambang Komitmen Kerajaan Memperkasa**

GERAKAN KOPERASI

Majlis Perasmian Hari Koperasi Negara (HKN) 2026 menjadi kemuncak sambutan dengan disempurnakan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.



Dalam ucapan perasmianya, YB Menteri menegaskan bahawa koperasi merupakan antara instrumen penting dalam memperkukuh ekonomi rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Beliau menyeru agar gerakan koperasi terus memperkasa tadbir urus, memperluaskan penggunaan teknologi dan pendigitalan, meningkatkan inovasi serta memperkukuh penglibatan generasi muda bagi memastikan koperasi kekal berdaya saing dalam landskap ekonomi yang semakin mencabar.

Majlis turut menyaksikan gimik perasmian HKN'26 serta peluncuran Buku Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2026, yang menghimpunkan koperasi-koperasi berprestasi tinggi sebagai rujukan dan inspirasi kepada seluruh gerakan koperasi negara.

Mengiktiraf

KECEMERLANGAN GERAKAN KOPERASI

SEBAGAI PENGIKTIRAFAN TERHADAP KECEMERLANGAN PRESTASI KOPERASI, MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI NEGARA (HKN) 2026 TURUT MENYAKSIKAN PENYAMPAIAN ANUGERAH KOPERASI TAHUN 2026 KEPADA KOPERASI YANG MENUNJUKKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM PELBAGAI SEKTOR.



Anugerah Koperasi Mengikut Aktiviti telah diberikan kepada Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (Pembinaan), Koperasi Ladang Berhad (Pertanian), Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad (KOPKEDAH) (Perkhidmatan Pengguna), Koperasi Kakitangan FELDA Malaysia Berhad (FELKOP) (Kredit) dan Koperasi Dagang Emas Malaysia Berhad (Ar-Rahnu).





Turut disampaikan ialah **Anugerah Khas Menteri** kepada Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad bagi Kategori Koperasi Komuniti serta Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (KOPEL BHD) bagi Kategori Koperasi Lestari atas sumbangan besar mereka dalam pembangunan komuniti dan pemuliharaan alam sekitar.



Anugerah paling berprestij iaitu **Anugerah Koperasi Terbaik Malaysia 2026** menyaksikan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDRM) dinobatkan sebagai tempat pertama, diikuti Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) di tempat kedua dan Koperasi Tenaga Nasional Berhad (KopTNB) di tempat ketiga.

Majlis turut mengiktiraf **Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO)** dan **Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat)** sebagai penerima **Anugerah Koperasi Premier 2026**, sekali gus mengukuhkan kedudukan kedua-dua koperasi tersebut sebagai antara penanda aras kecemerlangan gerakan koperasi negara.



LEBIH RM14 JUTA DISALURKAN BAGI MEMPERKASA KOPERASI

RM 2.60 juta

**Program Semarak
Pembangunan Ekonomi
Koperasi (PROSPEK)**



PROGRAM SEJATI MADANI KOPERASI (SEJATI MADANI)

PENERIMA KESELURUHAN 30 KOPERASI

RM 2,852,845.00

(RINGGIT MALAYSIA: DUA JUTA LAPAN RATUS LIMA PULUH
DUA RIBU LAPAN RATUS EMPAT PULUH LIMA SAHAJA)



RM 2.85 juta

**Program
Sejati Madani
Koperasi
(SEJATI MADANI)**

RM 1.32 juta


**Program Transformasi
Ekonomi Koperasi
Pertanian/Perladangan
(TEKAD)**



POCKET TALK

Inspirasi Koperasi, Ekonomi Diperkasa

Selain pameran dan aktiviti jualan, HKN 2026 turut menampilkan sesi Pocket Talk bertemakan "Inspirasi Koperasi, Ekonomi Diperkasa" yang menghimpunkan perkongsian ilmu serta pengalaman daripada tokoh dan pengamal koperasi mengenai pembangunan ekonomi melalui gerakan koperasi.



SESI POCKET TALK

- Pocket Talk 1**
Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad
- Pocket Talk 2**
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Pocket Talk 3**
Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Pocket Talk 4**
Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad
- Pocket Talk 5**
MIMOS Berhad
- Pocket Talk 6**
Rakyat Trustee Berhad (RTB)
- Pocket Talk 7**
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- Pocket Talk 8**
Badan Penyelaras TVET Kerajaan-Industri (GITC)
- Pocket Talk 9**
Gading Kencana Sdn. Bhd.

RM7.64 JUTA TMPSKM

Majlis turut menyaksikan penyerahan **Mock Cek Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM)** kepada tiga koperasi dengan nilai keseluruhan RM7.64 juta, melibatkan Koperasi Associated Pan Malaysia Cement Rawang Berhad, Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad (KOOP PEHUMA) dan Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad (KOPKEM). Pembiayaan ini dijangka membantu koperasi memperluaskan aktiviti perniagaan, meningkatkan produktiviti serta memperkukuh daya saing dalam pelbagai sektor ekonomi.

RM 1.0
juta



**Koperasi Associated Pan Malaysia
Cement Rawang Berhad**

RM 1.635
juta



**Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu
Negeri Perak Berhad**

RM 5
juta



**Koperasi Pekebun Kecil Daerah
Kemaman Berhad**

LEBIH 150 RERUAI PAMERAN MERIAHKAN HKN 2026

Lebih 150 reruai pameran daripada koperasi dan agensi kerajaan turut memeriahkan sambutan dengan mempamerkan produk, perkhidmatan dan inovasi koperasi daripada pelbagai sektor termasuk pertanian, pelancongan, kewangan, pendidikan, peruncitan dan teknologi.



FORUM PERDANA

Koperasi Berkat,
Komuniti Kuat,
Negara Hebat

Forum Perdana sempena Hari Koperasi Negara (HKN) 2026 bertemakan "Koperasi Berkat, Komuniti Kuat, Negara Hebat", dengan pengisian yang menyentuh peranan koperasi dalam membina komuniti yang sejahtera serta menyumbang kepada pembangunan negara. Sesi yang dikendalikan oleh YBrs. Ustaz Mohd. Annas bin Khamis ini turut menampilkan YBhg. Dato' Dr. Ustaz Haji Badli Shah bin Haji Alauddin dan YBhg. Datuk Ustaz Malai Ali bin Malai Ahmad sebagai panel, yang berkongsi pandangan mengenai kepentingan integriti, amanah dan kerjasama dalam memperkukuh gerakan koperasi demi kemakmuran ummah dan negara.



Turut hadir ialah Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Ahmad Norihan bin Jalal (B), Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP, YBhg. Dato' Abd. Rahman bin Mohd. Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif SKM, YBhg. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), YBhg. Datuk Mohd. Ali bin Mansor, serta Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Haji Abdullah, yang turut memeriahkan program tersebut.



PERSEMBAHAN ARTIS Meriahkan Malam HKN'26

Suasana sambutan Hari Koperasi Negara (HKN) 2026 pada Sabtu malam terus dihangatkan dengan persembahan artis jemputan yang menghiburkan ribuan pengunjung. Persembahan menampilkan Usop Mentor, Ezad Lazim dan Nadeera Zaini yang mendendangkan lagu-lagu popular masing-masing, sekali gus menambah kemeriahan sambutan dan memberikan pengalaman yang menghiburkan kepada para pengunjung.





FUN WALK & ZUMBA MERIAHKAN PAGI HKN'26

Aktiviti Fun Walk sejauh 3 kilometer dan Zumba yang diadakan pada hari Ahad di sekitar kawasan PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena berjaya menarik penyertaan lebih 1,000 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), YBhg. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak. Turut hadir memeriahkan program ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Sri Khairul Dzamee bin Daud serta Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan), KUSKOP, YBhg. Dato' Abd. Rahman bin Mohd. Salleh. Program ini bukan sahaja menggalakkan amalan gaya hidup sihat, malah mengeratkan silaturahmi antara warga koperasi dan komuniti dalam suasana yang ceria dan penuh semangat.



CABUTAN BERTUAH



Terima Kasih

JUMPA LAGI PADA HARI KOPERASI NEGARA
TAHUN HADAPAN!

